

٣- بَابُ أُمُورِ الْإِيمَانِ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى

(3) Bab Perkara-Perkara (Cabang-Cabang) Iman Dan Firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُؤُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا ۚ وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ
وَحِينَ الْبَأْسِ ۗ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٩٠﴾ وَقَوْلُهُ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٩١﴾ الْآيَةُ

(Bermaksud): Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintai kepada kaum keluarga, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-

terhadap kebenaran nabi kita Muhammad s.a.w. tidak diperlukan kerana di sebalik seseorang menyaksikan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasulullah bererti ia juga menerima segala ajaran yang dibawa Baginda s.a.w. (7) Rasulullah s.a.w. seringkali membuat perumpamaan untuk sesuatu prinsip agama yang dikemukakan. Tujuannya ialah untuk mendekatkannya dengan pemikiran orang ramai dan memantapkan lagi kefahaman mereka tentangnya. (8) Kadang-kadang sesuatu hadits berbeza kedudukan lafaznya daripada segi dahulu kemudiannya. Dan punca kepada perbezaan itu ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Sebabnya apabila diteliti tidak kerana lain melainkan kerana Rasulullah s.a.w. hendak menarik perhatian umatnya kepada sesuatu perkara penting di sebaliknya.

orang yang bertaqwa. (al-Baqarah:177).¹⁰⁹ Firman-Nya lagi, "Berjajalah orang-orang yang beriman". (al-Mu'minun:1). Dan bacalah ayat-ayat seterusnya.¹¹⁰

¹⁰⁹ Imam Bukhari sengaja memulakan tajuk bagi hadits yang kesembilan ini dengan perkataan 'Perkara-perkara Iman' atau 'Cabang-cabang Iman' sebagai mengisyaratkan kepada pendapat beliau bahawa iman itu bersifat *Murakkab* (berkomponen). Ia terbentuk daripada gabungan perkara-perkara atau cabang-cabang yang berbeza-beza tetapi saling mengukuh dan memerlukan di antara satu sama lain. Sekali gus ia menolak pegangan golongan *Murji'ah* dan *Karramiyah* yang beri'tiqad iman itu bersifat *Basith* (tidak berkomponen).

¹¹⁰ Ayat-ayat dari Surah al-Mu'minun yang diminta Bukhari supaya dibaca seterusnya ialah:

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ۝ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝ فَمَنْ آتَنَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ۝ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝

Bermaksud: (iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya, (2) dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, (3) dan orang-orang yang menunaikan zakat, (4) dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, (5) kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. (6) Sesiapa yang mencari selain yang tersebut itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. (7) dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya. (8) dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya. (9) mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, (10) yang akan mewarisi syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya. (11) (al-Mu'minun:2-11).

Tujuan Imam Bukhari membawakan kedua-kedua ayat al-Qur'an di atas juga adalah sebagai dalil penyokong kepada pendapat beliau tentang peri pentingnya iman itu disertakan dengan amalan. Kerana kandungan ayat yang pertama dengan jelas mengatakan bahawa kebaikan sebenar adalah beriman sambil menyertakannya dengan amalan-amalan praktikal yang lain seperti menyumbangkan harta yang menjadi kesayangan seseorang kepada orang-orang yang lebih memerlukannya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menepati janji dan bersabar di waktu kesempitan. Manakala ayat-ayat dari Surah al-Mu'minun pula menggantungkan kejayaan orang-orang yang beriman dengan amalan-amalan lain seperti mendirikan sembahyang dengan khusyu', menghindarkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat dan lain-lain amalan lagi. Di dalam kandungan maksud ayat dari Surah al-Baqarah juga, kebaikan yang sejati itu digambarkan terdiri daripada gabungan tiga ciri penting. Berikut ialah inti sari tiga ciri penting itu: (1) Keimanan yang berkait [rapat] dengan kepercayaan di dalam hati iaitu, beriman kepada Allah, hari Akhirat, para Malaikat, kitab-kitab dan para nabi. (2) Melakukan amalan-amalan kebaikan yang faedahnya dapat dini'mati oleh orang-orang lain, seperti menyumbangkan harta benda dan seumpamanya. (3) Melakukan amalan peribadi yang boleh meningkatkan darjat dan kekuatan jiwa atau ruhani seseorang, seperti mendirikan

٩- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ الْعَقَدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

9- `Abdullah bin Muhammad (bin Ja'far al-Musnadi m.229H) al-Ju'fi meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu `Aamir (`Abdul Malik bin `Amar bin Qais m.204/205H) al-`Aqadi meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin Bilal (al-Qurasi al-Madani m.172H) meriwayatkan kepada kami daripada `Abdillah bin Dinar (al-Qurasi al-Madani m.127H) daripada Abi Saleh (Zakwaan as-Sammaan az-Zayyaat al-Madani m.101H) daripada Abi Hurairah r.a.¹¹¹ daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: "Iman

sembahyang, menunaikan zakat, mengotakan setiap janji yang dibuat dan tabah menghadapi detik-detik getir dalam kehidupan.

Kesimpulan yang ingin diketengahkan oleh Imam Bukhari daripada ayat-ayat di atas ialah iman yang dituntut oleh agama adalah iman yang direalisasikan melalui amalan, bukannya sekadar pengakuan yang tersimpan di dalam hati sahaja. Malah hakikat ini amat jelas dibuktikan oleh al-Qur'an apabila seringkali ayat-ayatnya yang menyentuh tentang keimanan disebut, pasti sahaja ianya akan diikuti oleh ayat-ayat yang mengaitkannya dengan amalan-amalan fizikal. Ini kerana amalan-amalan fizikal akan memberi kesan kepada iman seseorang. Sekiranya amalannya adalah amalan kebaikan, imannya akan bertambah. Sebaliknya jika dosa dan ma'shiat yang dilakukan, pastilah ia menjejaskan imannya. Dalam menjelaskan bahawa amalan keburukan juga meninggalkan kesan kepada keimanan sepertimana amalan kebaikan, Nabi s.a.w. pernah menyatakan bahawa setiap kali seorang hamba melakukan dosa, satu titik hitam akan terlekat di hatinya. Sekiranya si hamba tersebut terus menerus melakukan dosa tanpa membasuhnya dengan taubat, maka lama kelamaan seluruh hatinya akan menjadi hitam legam. Dalam keadaan itu seseorang manusia tidak akan berasa mudah lagi untuk melakukan sesuatu kebaikan. Lihat hadits Rasulullah s.a.w. yang dimaksudkan itu: *إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا أَخْطَأَ خَطِيئَةً نُكِتَتْ فِي قَلْبِهِ نُكْتَةٌ سَوْدَاءٌ فَإِذَا هُوَ نَزَعَ وَاسْتَعْفَرَ وَتَابَ صُقِلَ قَلْبُهُ وَإِنْ عَادَ زِيدَ فِيهَا حَتَّى تَعْلُوَ قَلْبُهُ وَهُوَ الرَّأْيُ الَّذِي ذَكَرَ اللَّهُ كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ* Bermaksud: apabila seseorang hamba melakukan sesuatu dosa, satu titik hitam akan terlekat di hatinya. Kalau ia berhenti, beristighfar dan bertaubat berkilat kembalilah hatinya. Tetapi kalau kembali melakukannya, bertambah hitamlah hatinya sehingga ia menutupi hatinya. Itulah ar-raan (karat dosa) yang disebut Allah di dalam firmanNya ini:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٢٥﴾

Bermaksud: Sekali-kali tidak! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) Bahkan mata hati mereka telah diselaputi karat (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan ma'shiat) yang mereka kerjakan. (al-Muthafifin:14). (Hadits riwayat at-Tirmizi, al-Haakim, al-Bazzaar, al-Baihaqi dll).

¹¹¹ Abu Hurairah ad-Dausi al-Yamaani, salah seorang sahabat agung Rasulullah s.a.w. Beliau terkenal sebagai seorang hafiz dan faqih di kalangan sahabat. Selain itu Abu Hurairah juga

mempunyai lebih daripada enam puluh cabang.¹¹² Dan malu merupakan salah satu cabang besar iman.”¹¹³

terkenal sebagai seorang sahabat yang kuat beribadat dan sangat merendahkan diri. Para ‘ulama’ berbeza pendapat tentang nama sebenar beliau. Yang paling masyhur antaranya semasa jahiliyyah ialah ‘Abdu Syamsin atau ‘Abdu ‘Amrin. Nama beliau selepas memeluk agama Islam pula menurut kebanyakan ‘ulama’ ialah ‘Abdur Rahman atau ‘Abdullah. Kata Abu Ahmad al-Haakim di dalam kitabnya al-Kuna: “Nama Abu Hurairah yang paling sahih di sisi kami ialah ‘Abdur Rahman bin Shakhr.” Bagaimanapun Abu Hurairah lebih popular dengan nama kunyahnya sehingga nama sebenarnya tidak diketahui ramai orang. Abu Hurairah memeluk agama Islam pada tahun berlakunya perang Khaibar. Beliau turut hadir dalam peperangan itu bersama-sama Nabi s.a.w. dan para sahabat yang lain. Setelah berangkat ke Madinah Abu Hurairah bertungkus-lumus menghafal dan mempelajari hadits-hadits Rasulullah s.a.w. tanpa menghiraukan dirinya lagi. Kadang-kadang dia mengalami kebuluran dan jatuh pengsan kerananya. Hampir-hampir beliau tidak meninggalkan Rasulullah s.a.w. demi mengaut sebanyak mungkin ilmu Baginda. Ketika ramai di kalangan sahabat sibuk dengan perniagaan atau kebun-kebun mereka, Abu Hurairah pula terus tekun belajar. Rasulullah s.a.w. sendiri menyaksikan betapa besarnya keinginan dan minat Abu Hurairah terhadap ilmu yang diajarkan oleh Baginda. Pada suatu hari Abu Hurairah berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah banyak mendengar hadits-hadits daripadamu. Tapi saya terlupa. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Hamparkan selimutmu itu.” Kata Abu Hurairah: “Setelah saya menghamparkannya, Rasulullah s.a.w. semacam menceduk sesuatu ke dalamnya. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: “Dakaplah selimut itu. Saya terus mendakapnya. Selepas itu saya tidak lupa apa-apa lagi (daripada hadits-hadits Rasulullah s.a.w.).” (Hadits riwayat Bukhari dan Tirmizi). Imam Bukhari berkata: “Lebih lapan ratus orang sahabat dan tabi’in telah meriwayatkan hadits daripada beliau. Antara sahabat yang telah meriwayatkan hadits daripada Abu Hurairah ialah Ibnu ‘Abbaas, Ibnu ‘Umar, Jaabir bin Abdillah, Anas dan Waatsilah r.a. Abu Hurairah terus menetap di Madinah dan di sanalah beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada tahun 57H ketika berumur 78 tahun. Para ‘ulama’ sekata tentang Abu Hurairah adalah sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadits. Sebanyak lima ribu tiga ratus enam puluh empat (5,364) hadits telah diriwayatkan oleh beliau. Bukhari dan Muslim telah sama-sama meriwayatkan sebanyak tiga ratus dua puluh lima hadits (325) daripada Abu Hurairah. Bukhari bersendirian tanpa Muslim telah meriwayatkan daripada beliau sebanyak sembilan puluh tiga (93) hadits. Muslim pula bersendirian tanpa Bukhari telah meriwayatkan daripada beliau sebanyak seratus sembilan puluh (190) hadits.

¹¹² Maksud hadits yang kesembilan ini lebih sesuai dengan tajuk yang diletakkan oleh Imam Bukhari iaitu *Kitabul Iman* berbanding hadits sebelum dan selepasnya. Oleh kerana semasa hayat beliau, persoalan asas tentang hakikat iman itu masih hebat dipertikaikan oleh golongan-golongan serpihan, maka Imam Bukhari meletakkan hadits-hadits tentang Islam yang mewakili amalan zahir terlebih dahulu sebagai menjelaskan tuntutan sebenar iman dan menolak da’waan golongan yang terpesong daripada pegangan Ahlu as-Sunah Wa al-Jama’ah. Justeru hadits-hadits yang sepatutnya diletakkan di permulaan bab diganjak sedikit ke belakang demi memberi ruang kepada hadits-hadits yang memperjelaskan tentang peri pentingnya amalan sebagai komponen utama iman. Hadits ini juga ternyata tidak boleh dijadikan sebagai sandaran oleh golongan Murji’ah dan

sekutu-sekutunya untuk mengukuhkan pegangan mereka, lantaran maksudnya jelas bercanggah dengan pendapat mereka. Antara sebabnya ialah hadits ini dengan jelas telah membahagikan iman kepada enam puluh cabang. Ia membawa erti iman itu sememangnya bersifat *Murakkab*. Kalau iman boleh dibahagikan kepada lebih enam puluh cabang, bererti setiap orang yang beriman mungkin memiliki cabang-cabang iman yang berbeza di antara satu dari yang lain. Ia turut membuktikan bahawa iman boleh bertambah dan berkurang berdasarkan jumlah cabang-cabangnya yang tidak sama banyak pada orang-orang yang beriman. Manakala perkataan 'cabang' pula mempunyai maksud tersendiri yang ingin diulas oleh Imam Bukhari di sini. Apabila disebut cabang, dengan sendirinya ia membawa maksud pecahan daripada pokok, unsur atau bahan yang sama. Umpamanya cabang bagi sepon pokok adalah berasal daripada bahagian atau juzu' pokok itu sendiri. Ia tentu bukan daripada sesuatu pokok atau sumber yang berasingan. Maka amalan yang merupakan cabang iman tentulah sebahagian daripada iman. Apalagi cabang-cabang yang tersebut di dalam sekian banyak hadits-hadits Nabi s.a.w. adalah berbentuk amalan. Perasaan malu yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai contoh dan dikatakan ia merupakan salah satu cabang besar iman di dalam hadits ini, juga sebenarnya berkaitan dengan amalan dan tindak balas yang boleh disaksikan kesannya di luar rongga hati, kerana riaknya akan terbayang pada raut wajah atau tindak tanduk orang yang mengalaminya. Hadits ini menyebutkan iman mempunyai lebih daripada enam puluh cabang. Sedangkan ada riwayat lain menyebutkan iman mempunyai lebih tujuh puluh cabang. Perbezaan jumlah angka yang terkandung di dalam dua riwayat tentang cabang iman telah mendorong golongan Anti hadits mempertikaikan kesahihannya. Kerana menurut mereka, hadits-hadits seumpama ini nyata bercanggah di antara satu sama lain. Oleh yang demikian kesahihan sumber hadits-hadits seumpama ini cukup menimbulkan keraguan. Krm menurut mereka kenyataan-kenyataan Rasulullah tidak seharusnya saling bercanggah. Lebih dikesalkan lagi ialah mereka sampai mempertikaikan keperibadian Rasulullah kerana telah mengeluarkan kenyataan yang saling bertentangan! Sedangkan perbezaan di antara dua riwayat yang sahih ini jelas datangnya daripada Rasulullah yang menyampaikannya melalui wahyu yang diterima Baginda daripada Allah s.w.t. Perbezaan tersebut mungkin terjadi apabila Allah s.w.t. menyatakan suatu jumlah tertentu pada sesuatu masa, kemudiannya berdasarkan ilmu dan hikmahNya dinyatakan pula jumlah yang berbeza pada masa yang lain. Keadaannya sama seperti hadits tentang jumlah pahala yang diperolehi orang yang menunaikan sembahyang secara berjemaah. Ada yang menyatakan ia mendapat dua puluh lima pahala. Ada pula yang menyatakan ia mendapat dua puluh tujuh pahala. Perubahan masa merupakan salah satu faktor yang membawa kepada perbezaan ma'lumat yang disampaikan. Mungkin juga perbezaan dua jumlah tersebut adalah akibat daripada dua sorotan atau perspektif yang berbeza.

¹¹³ Perkataan شعبة pada asalnya bererti dahan pokok. Cabang besar adalah terjemahan yang dipilih untuk perkataan شعبة. Asas bagi terjemahan ini ialah perkataan itu digunakan dalam bentuk *Nakirah*. *Nakirah* di sini mengandungi erti ta'dzim yang bermaksud besar atau agung. Apabila malu disifatkan sebagai cabang besar atau dahan yang besar, maka sudah semestinya ia mempunyai ranting-ranting serta julainya yang mengeluarkan buah-buahnya pula. Namun dahan iman berbeza daripada dahan pokok yang mengeluarkan buah-buah yang sama jenisnya. Pokok iman membuahkan hasil-hasil yang berlainan jenis dan berbeza-beza mutunya. Melalui hadits ini, selain daripada ingin menguatkan lagi hujah bahawa iman itu bersifat *Murakkab*, Imam Bukhari

juga ingin mengutarakan maksud yang lain di sebalik mengetengahkannya, iaitu beliau ingin mengingatkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan iman yang akan disebutkannya selepas ini sepatutnya ada pada seseorang yang bergelar *Mu'min*. Hadits ini menggambarkan (sifat) malu sebagai dahan besar bagi satu pokok besar. Ia tentunya mempunyai ranting-ranting dan julai yang sarat dengan buah-buah. Sifat malu adalah satu sifat terpuji di dalam Islam. Ia membawa banyak sekali kebaikan dalam kehidupan manusia. Hakikat ini terpahat kukuh di dalam sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w. Antara lainnya ialah hadits-hadits berikut: (1) الْحَيَاءُ الْخَيْرُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ Bermaksud: "Tidak ada yang dibawa oleh sifat malu kecuali kebaikan jua." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad dan Baihaqi di dalam Syu'abul Iman). (2) الْحَيَاءُ كُلُّهُ خَيْرٌ Bermaksud: "Sifat malu itu semuanya baik." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu'abul Imannya). (3) إِذَا لَمْ تَسْتَحْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ Bermaksud: "Apabila sifat malu tidak ada padamu, engkau akan berbuat sesuka hatimu." (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, Abu Daud, al-Bazzaar, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu'abul Imannya).

Walau bagaimanapun, sifat malu yang bagaimanakah yang dimaksudkan oleh hadits-hadits tersebut. Kerana dalam realiti bukan kesemua sifat malu membawa kepada kebaikan. Malah pepatah Melayu ada mengatakan '*Malu bertanya, sesat jalan*', '*Malu berdayung, perahu hanyut*', *malu makan, perut lapar* dan seumpamanya yang membawa maksud sifat malu hanya akan mengundang kerugian semata-mata. Justeru sifat malu yang dimaksudkan oleh hadits-hadits yang dikemukakan tadi adalah sifat malu yang dilahirkan oleh iman, bukannya malu untuk berbuat sesuatu keharusan seperti 'malu bertanya' dan seumpamanya, sebagaimana yang diibaratkan oleh pepatah tadi. Malu menyatakan kebenaran juga bukan sesuatu yang baik. Krn itulah Allah berfirman: وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ Bermaksud: "...dan Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran..." (al-Ahzaab:53). Malu bertanya tentang agama dan ketika belajar juga tidak baik. Saiyyidatina 'Aaishah bahkan telah memuji wanita-wanita Anshaar kerana sifat malu yang ada pada mereka tidak menghalang mereka daripada bertanyakan tentang agama dan mendalami ilmu agama. Lihatapa kata beliau tentang wanita-wanita Anshaar: نِعْمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَكُنْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَسْأَلْنَ عَنِ الدِّينِ وَأَنْ يَتَفَقَّهُنَّ فِيهِ Bermaksud: "Sebaik-baik wanita adalah wanita Anshaar. Perasaan malu tidak pernah menghalang mereka untuk bertanya tentang agama dan untuk mendalami ilmu agama." (Atsar riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dll. Lafaz atsar yang dikemukakan ini adalah lafaz Abu Daud).

Perkaitan di antara sifat malu dengan iman ialah perasaan malu adalah hasil yang terbit daripada perasaan terima kasih atau syukur seseorang yang telah menerima atau 'termakan' budi seseorang yang lain. Mengenang kebaikan yang diterimanya daripada orang yang berbudi kepadanya, seseorang yang mempunyai harga diri sudah pasti akan berasa malu untuk melakukan apa saja yang tidak menunjukkan perasaan terima kasihnya terhadap orang yang telah menabur budi kepadanya itu. Begitulah juga dengan perasaan seorang hamba yang beriman kepada Tuhannya. Setelah mengecapi segala ni'mat dan rahmat yang dicurahkan tanpa henti oleh Tuhan, sudah pasti si hamba tidak akan tergamak untuk melakukan apa saja larangan yang akan membangkitkan kemurkaannya. Begitu juga dengan jasa dan pengorbanan Nabi s.a.w. dalam menyampaikan agama Islam yang diamanahkan kepadanya untuk disampaikan ke pangkuan kita. Sekiranya seseorang yang beriman mengenang dan mengingati kembali betapa sukarnya liku-liku perjalanan yang pernah Rasulullah s.a.w. tempuhi bersama-sama sahabat untuk 'mewariskan' syurga yang

٣- بَابُ أُمُورِ الْإِيمَانِ وَقَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى

(3) Bab Perkara-Perkara (Cabang-Cabang) Iman Dan Firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُؤُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ
وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي
الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا ۚ وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ
وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا ۚ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ ﴿١٩٠﴾ وَقَوْلُهُ قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٩١﴾ الْآيَةُ

(Bermaksud): Bukanlah menghadapkan wajahmu ke arah timur dan barat itu suatu kebajikan, akan tetapi sesungguhnya kebajikan itu ialah beriman kepada Allah, hari kemudian, malaikat-malaikat, kitab-kitab, nabi-nabi dan memberikan harta yang dicintai kepada kaum keluarga, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta; dan (memerdekakan) hamba sahaya, mendirikan shalat, dan menunaikan zakat; dan orang-orang yang menepati janjinya apabila ia berjanji, dan orang-orang yang sabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. Mereka itulah orang-orang yang benar (imannya); dan mereka itulah orang-

terhadap kebenaran nabi kita Muhammad s.a.w. tidak diperlukan kerana di sebalik seseorang menyaksikan kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. sebagai rasulullah bererti ia juga menerima segala ajaran yang dibawa Baginda s.a.w. (7) Rasulullah s.a.w. seringkali membuat perumpamaan untuk sesuatu prinsip agama yang dikemukakan. Tujuannya ialah untuk mendekatkannya dengan pemikiran orang ramai dan memantapkan lagi kefahaman mereka tentangnya. (8) Kadang-kadang sesuatu hadits berbeza kedudukan lafaznya daripada segi dahulu kemudiannya. Dan punca kepada perbezaan itu ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Sebabnya apabila diteliti tidak kerana lain melainkan kerana Rasulullah s.a.w. hendak menarik perhatian umatnya kepada sesuatu perkara penting di sebaliknya.

orang yang bertaqwa. (al-Baqarah:177).¹⁰⁹ Firman-Nya lagi, "Berjajalah orang-orang yang beriman". (al-Mu'minun:1). Dan bacalah ayat-ayat seterusnya.¹¹⁰

¹⁰⁹ Imam Bukhari sengaja memulakan tajuk bagi hadits yang kesembilan ini dengan perkataan 'Perkara-perkara Iman' atau 'Cabang-cabang Iman' sebagai mengisyaratkan kepada pendapat beliau bahawa iman itu bersifat *Murakkab* (berkomponen). Ia terbentuk daripada gabungan perkara-perkara atau cabang-cabang yang berbeza-beza tetapi saling mengukuh dan memerlukan di antara satu sama lain. Sekali gus ia menolak pegangan golongan *Murji'ah* dan *Karramiyah* yang beri'tiqad iman itu bersifat *Basith* (tidak berkomponen).

¹¹⁰ Ayat-ayat dari Surah al-Mu'minun yang diminta Bukhari supaya dibaca seterusnya ialah:

الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ ۝ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ۝ فَمَنْ آتَنَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ ۝ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۝ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ۝ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝

Bermaksud: (iaitu) orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya, (2) dan orang-orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang tiada berguna, (3) dan orang-orang yang menunaikan zakat, (4) dan orang-orang yang menjaga kemaluannya, (5) kecuali terhadap isteri-isteri mereka atau hamba sahaya yang mereka miliki, maka sesungguhnya mereka dalam hal ini tiada tercela. (6) Sesiapa yang mencari selain yang tersebut itu, maka mereka itulah orang-orang yang melampaui batas. (7) dan orang-orang yang memelihara amanat-amanat (yang dipikulnya) dan janjinya. (8) dan orang-orang yang memelihara sembahyangnya. (9) mereka itulah orang-orang yang akan mewarisi, (10) yang akan mewarisi syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya. (11) (al-Mu'minun:2-11).

Tujuan Imam Bukhari membawakan kedua-kedua ayat al-Qur'an di atas juga adalah sebagai dalil penyokong kepada pendapat beliau tentang peri pentingnya iman itu disertakan dengan amalan. Kerana kandungan ayat yang pertama dengan jelas mengatakan bahawa kebaikan sebenar adalah beriman sambil menyertakannya dengan amalan-amalan praktikal yang lain seperti menyumbangkan harta yang menjadi kesayangan seseorang kepada orang-orang yang lebih memerlukannya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menepati janji dan bersabar di waktu kesempitan. Manakala ayat-ayat dari Surah al-Mu'minun pula menggantungkan kejayaan orang-orang yang beriman dengan amalan-amalan lain seperti mendirikan sembahyang dengan khusyu', menghindarkan diri daripada terlibat dengan perkara-perkara yang melalaikan, menunaikan zakat dan lain-lain amalan lagi. Di dalam kandungan maksud ayat dari Surah al-Baqarah juga, kebaikan yang sejati itu digambarkan terdiri daripada gabungan tiga ciri penting. Berikut ialah inti sari tiga ciri penting itu: (1) Keimanan yang berkait [rapat] dengan kepercayaan di dalam hati iaitu, beriman kepada Allah, hari Akhirat, para Malaikat, kitab-kitab dan para nabi. (2) Melakukan amalan-amalan kebaikan yang faedahnya dapat dini'mati oleh orang-orang lain, seperti menyumbangkan harta benda dan seumpamanya. (3) Melakukan amalan peribadi yang boleh meningkatkan darjat dan kekuatan jiwa atau ruhani seseorang, seperti mendirikan

٩- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ الْجُعْفِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو عَامِرٍ الْعَقَدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ دِينَارٍ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْإِيمَانُ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً وَالْحَيَاءُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

9- `Abdullah bin Muhammad (bin Ja'far al-Musnadi m.229H) al-Ju'fi meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu `Aamir (`Abdul Malik bin `Amar bin Qais m.204/205H) al-`Aqadi meriwayatkan kepada kami, katanya: Sulaiman bin Bilal (al-Qurasi al-Madani m.172H) meriwayatkan kepada kami daripada `Abdillah bin Dinar (al-Qurasi al-Madani m.127H) daripada Abi Saleh (Zakwaan as-Sammaan az-Zayyaat al-Madani m.101H) daripada Abi Hurairah r.a.¹¹¹ daripada Nabi s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: "Iman

sembahyang, menunaikan zakat, mengotakan setiap janji yang dibuat dan tabah menghadapi detik-detik getir dalam kehidupan.

Kesimpulan yang ingin diketengahkan oleh Imam Bukhari daripada ayat-ayat di atas ialah iman yang dituntut oleh agama adalah iman yang direalisasikan melalui amalan, bukannya sekadar pengakuan yang tersimpan di dalam hati sahaja. Malah hakikat ini amat jelas dibuktikan oleh al-Qur'an apabila seringkali ayat-ayatnya yang menyentuh tentang keimanan disebut, pasti sahaja ianya akan diikuti oleh ayat-ayat yang mengaitkannya dengan amalan-amalan fizikal. Ini kerana amalan-amalan fizikal akan memberi kesan kepada iman seseorang. Sekiranya amalannya adalah amalan kebaikan, imannya akan bertambah. Sebaliknya jika dosa dan ma'shiat yang dilakukan, pastilah ia menjejaskan imannya. Dalam menjelaskan bahawa amalan keburukan juga meninggalkan kesan kepada keimanan sepertimana amalan kebaikan, Nabi s.a.w. pernah menyatakan bahawa setiap kali seorang hamba melakukan dosa, satu titik hitam akan terlekat di hatinya. Sekiranya si hamba tersebut terus menerus melakukan dosa tanpa membasuhnya dengan taubat, maka lama kelamaan seluruh hatinya akan menjadi hitam legam. Dalam keadaan itu seseorang manusia tidak akan berasa mudah lagi untuk melakukan sesuatu kebaikan. Lihat hadits Rasulullah s.a.w. yang dimaksudkan itu: *إِنَّ الْعَبْدَ إِذَا أَخْطَأَ خَطِيئَةً نُكِتَتْ فِي قَلْبِهِ نُكْطَةٌ سَوْدَاءٌ فَإِذَا هُوَ نَزَعَ وَاسْتَعْفَرَ وَتَابَ صُقِلَ قَلْبُهُ وَإِنْ عَادَ زِيدَ فِيهَا حَتَّى تَعْلُوَ قَلْبُهُ وَهُوَ الرَّأْيُ الَّذِي ذَكَرَ اللَّهُ كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ* Bermaksud: apabila seseorang hamba melakukan sesuatu dosa, satu titik hitam akan terlekat di hatinya. Kalau ia berhenti, beristighfar dan bertaubat berkilat kembalilah hatinya. Tetapi kalau kembali melakukannya, bertambah hitamlah hatinya sehingga ia menutupi hatinya. Itulah ar-raan (karat dosa) yang disebut Allah di dalam firmanNya ini:

كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Sekali-kali tidak! (ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) Bahkan mata hati mereka telah diselaputi karat (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan ma'shiat) yang mereka kerjakan. (al-Muthafifin:14). (Hadits riwayat at-Tirmizi, al-Haakim, al-Bazzaar, al-Baihaqi dll).

¹¹¹ Abu Hurairah ad-Dausi al-Yamaani, salah seorang sahabat agung Rasulullah s.a.w. Beliau terkenal sebagai seorang hafiz dan faqih di kalangan sahabat. Selain itu Abu Hurairah juga

mempunyai lebih daripada enam puluh cabang.¹¹² Dan malu merupakan salah satu cabang besar iman.”¹¹³

terkenal sebagai seorang sahabat yang kuat beribadat dan sangat merendahkan diri. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang nama sebenar beliau. Yang paling masyhur antaranya semasa jahiliyyah ialah 'Abdu Syamsin atau 'Abdu 'Amrin. Nama beliau selepas memeluk agama Islam pula menurut kebanyakan 'ulama' ialah 'Abdur Rahman atau 'Abdullah. Kata Abu Ahmad al-Haakim di dalam kitabnya al-Kuna: "Nama Abu Hurairah yang paling sahih di sisi kami ialah 'Abdur Rahman bin Shakhr." Bagaimanapun Abu Hurairah lebih popular dengan nama kunyahnya sehingga nama sebenarnya tidak diketahui ramai orang. Abu Hurairah memeluk agama Islam pada tahun berlakunya perang Khaibar. Beliau turut hadir dalam peperangan itu bersama-sama Nabi s.a.w. dan para sahabat yang lain. Setelah berangkat ke Madinah Abu Hurairah bertungkus-lumus menghafal dan mempelajari hadits-hadits Rasulullah s.a.w. tanpa menghiraukan dirinya lagi. Kadang-kadang dia mengalami kebuluran dan jatuh pengsan kerananya. Hampir-hampir beliau tidak meninggalkan Rasulullah s.a.w. demi mengaut sebanyak mungkin ilmu Baginda. Ketika ramai di kalangan sahabat sibuk dengan perniagaan atau kebun-kebun mereka, Abu Hurairah pula terus tekun belajar. Rasulullah s.a.w. sendiri menyaksikan betapa besarnya keinginan dan minat Abu Hurairah terhadap ilmu yang diajarkan oleh Baginda. Pada suatu hari Abu Hurairah berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah banyak mendengar hadits-hadits daripadamu. Tapi saya terlupa. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hamparkan selimutmu itu." Kata Abu Hurairah: "Setelah saya menghamparkannya, Rasulullah s.a.w. semacam menceduk sesuatu ke dalamnya. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: "Dakaplah selimut itu. Saya terus mendakapnya. Selepas itu saya tidak lupa apa-apa lagi (daripada hadits-hadits Rasulullah s.a.w.)." (Hadits riwayat Bukhari dan Tirmizi). Imam Bukhari berkata: "Lebih lapan ratus orang sahabat dan tabi'in telah meriwayatkan hadits daripada beliau. Antara sahabat yang telah meriwayatkan hadits daripada Abu Hurairah ialah Ibnu 'Abbaas, Ibnu 'Umar, Jaabir bin Abdillah, Anas dan Waatsilah r.a. Abu Hurairah terus menetap di Madinah dan di sanalah beliau menghembuskan nafas terakhirnya pada tahun 57H ketika berumur 78 tahun. Para 'ulama' sekata tentang Abu Hurairah adalah sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadits. Sebanyak lima ribu tiga ratus enam puluh empat (5,364) hadits telah diriwayatkan oleh beliau. Bukhari dan Muslim telah sama-sama meriwayatkan sebanyak tiga ratus dua puluh lima hadits (325) daripada Abu Hurairah. Bukhari bersendirian tanpa Muslim telah meriwayatkan daripada beliau sebanyak sembilan puluh tiga (93) hadits. Muslim pula bersendirian tanpa Bukhari telah meriwayatkan daripada beliau sebanyak seratus sembilan puluh (190) hadits.

¹¹² Maksud hadits yang kesembilan ini lebih sesuai dengan tajuk yang diletakkan oleh Imam Bukhari iaitu *Kitabul Iman* berbanding hadits sebelum dan selepasnya. Oleh kerana semasa hayat beliau, persoalan asas tentang hakikat iman itu masih hebat dipertikaikan oleh golongan-golongan serpihan, maka Imam Bukhari meletakkan hadits-hadits tentang Islam yang mewakili amalan zahir terlebih dahulu sebagai menjelaskan tuntutan sebenar iman dan menolak da'waan golongan yang terpesong daripada pegangan Ahlu as-Sunah Wa al-Jama'ah. Justeru hadits-hadits yang sepatutnya diletakkan di permulaan bab diganjak sedikit ke belakang demi memberi ruang kepada hadits-hadits yang memperjelaskan tentang peri pentingnya amalan sebagai komponen utama iman. Hadits ini juga ternyata tidak boleh dijadikan sebagai sandaran oleh golongan Murji'ah dan

sekutu-sekutunya untuk mengukuhkan pegangan mereka, lantaran maksudnya jelas bercanggah dengan pendapat mereka. Antara sebabnya ialah hadits ini dengan jelas telah membahagikan iman kepada enam puluh cabang. Ia membawa erti iman itu sememangnya bersifat *Murakkab*. Kalau iman boleh dibahagikan kepada lebih enam puluh cabang, bererti setiap orang yang beriman mungkin memiliki cabang-cabang iman yang berbeza di antara satu dari yang lain. Ia turut membuktikan bahawa iman boleh bertambah dan berkurang berdasarkan jumlah cabang-cabangnya yang tidak sama banyak pada orang-orang yang beriman. Manakala perkataan 'cabang' pula mempunyai maksud tersendiri yang ingin diulas oleh Imam Bukhari di sini. Apabila disebut cabang, dengan sendirinya ia membawa maksud pecahan daripada pokok, unsur atau bahan yang sama. Umpamanya cabang bagi sepon pokok adalah berasal daripada bahagian atau juzu' pokok itu sendiri. Ia tentu bukan daripada sesuatu pokok atau sumber yang berasingan. Maka amalan yang merupakan cabang iman tentulah sebahagian daripada iman. Apalagi cabang-cabang yang tersebut di dalam sekian banyak hadits-hadits Nabi s.a.w. adalah berbentuk amalan. Perasaan malu yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai contoh dan dikatakan ia merupakan salah satu cabang besar iman di dalam hadits ini, juga sebenarnya berkaitan dengan amalan dan tindak balas yang boleh disaksikan kesannya di luar rongga hati, kerana riaknya akan terbayang pada raut wajah atau tindak tanduk orang yang mengalaminya. Hadits ini menyebutkan iman mempunyai lebih daripada enam puluh cabang. Sedangkan ada riwayat lain menyebutkan iman mempunyai lebih tujuh puluh cabang. Perbezaan jumlah angka yang terkandung di dalam dua riwayat tentang cabang iman telah mendorong golongan Anti hadits mempertikaikan kesahihannya. Kerana menurut mereka, hadits-hadits seumpama ini nyata bercanggah di antara satu sama lain. Oleh yang demikian kesahihan sumber hadits-hadits seumpama ini cukup menimbulkan keraguan. Krm menurut mereka kenyataan-kenyataan Rasulullah tidak seharusnya saling bercanggah. Lebih dikesalkan lagi ialah mereka sampai mempertikaikan keperibadian Rasulullah kerana telah mengeluarkan kenyataan yang saling bertentangan! Sedangkan perbezaan di antara dua riwayat yang sahih ini jelas datangnya daripada Rasulullah yang menyampaikannya melalui wahyu yang diterima Baginda daripada Allah s.w.t. Perbezaan tersebut mungkin terjadi apabila Allah s.w.t. menyatakan suatu jumlah tertentu pada sesuatu masa, kemudiannya berdasarkan ilmu dan hikmahNya dinyatakan pula jumlah yang berbeza pada masa yang lain. Keadaannya sama seperti hadits tentang jumlah pahala yang diperolehi orang yang menunaikan sembahyang secara berjemaah. Ada yang menyatakan ia mendapat dua puluh lima pahala. Ada pula yang menyatakan ia mendapat dua puluh tujuh pahala. Perubahan masa merupakan salah satu faktor yang membawa kepada perbezaan ma'lumat yang disampaikan. Mungkin juga perbezaan dua jumlah tersebut adalah akibat daripada dua sorotan atau perspektif yang berbeza.

¹¹³ Perkataan شعبة pada asalnya bererti dahan pokok. Cabang besar adalah terjemahan yang dipilih untuk perkataan شعبة. Asas bagi terjemahan ini ialah perkataan itu digunakan dalam bentuk *Nakirah*. *Nakirah* di sini mengandungi erti ta'dzim yang bermaksud besar atau agung. Apabila malu disifatkan sebagai cabang besar atau dahan yang besar, maka sudah semestinya ia mempunyai ranting-ranting serta julainya yang mengeluarkan buah-buahnya pula. Namun dahan iman berbeza daripada dahan pokok yang mengeluarkan buah-buah yang sama jenisnya. Pokok iman membuahkan hasil-hasil yang berlainan jenis dan berbeza-beza mutunya. Melalui hadits ini, selain daripada ingin menguatkan lagi hujah bahawa iman itu bersifat *Murakkab*, Imam Bukhari

juga ingin mengutarakan maksud yang lain di sebalik mengetengahkanya, iaitu beliau ingin mengingatkan bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan iman yang akan disebutkannya selepas ini sepatutnya ada pada seseorang yang bergelar *Mu'min*. Hadits ini menggambarkan (sifat) malu sebagai dahan besar bagi satu pokok besar. Ia tentunya mempunyai ranting-ranting dan julai yang sarat dengan buah-buah. Sifat malu adalah satu sifat terpuji di dalam Islam. Ia membawa banyak sekali kebaikan dalam kehidupan manusia. Hakikat ini terpahat kukuh di dalam sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w. Antara lainnya ialah hadits-hadits berikut: (1) الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ Bermaksud: “Tidak ada yang dibawa oleh sifat malu kecuali kebaikan jua.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad dan Baihaqi di dalam Syu’abul Iman). (2) الْحَيَاءُ كُلُّهُ خَيْرٌ Bermaksud: “Sifat malu itu semuanya baik.” (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu’abul Imannya). (3) إِذَا لَمْ تَسْتَحْ فَاصْنَعْ مَا شِئْتَ Bermaksud: “Apabila sifat malu tidak ada padamu, engkau akan berbuat sesuka hatimu.” (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, Abu Daud, al-Bazzaar, at-Thabaraani dan al-Baihaqi di dalam Syu’abul Imannya).

Walau bagaimanapun, sifat malu yang bagaimanakah yang dimaksudkan oleh hadits-hadits tersebut. Kerana dalam realiti bukan kesemua sifat malu membawa kepada kebaikan. Malah pepatah Melayu ada mengatakan ‘*Malu bertanya, sesat jalan*’, ‘*Malu berdayung, perahu hanyut*’, *malu makan, perut lapar* dan seumpamanya yang membawa maksud sifat malu hanya akan mengundang kerugian semata-mata. Justeru sifat malu yang dimaksudkan oleh hadits-hadits yang dikemukakan tadi adalah sifat malu yang dilahirkan oleh iman, bukannya malu untuk berbuat sesuatu keharusan seperti ‘malu bertanya’ dan seumpamanya, sebagaimana yang diibaratkan oleh pepatah tadi. Malu menyatakan kebenaran juga bukan sesuatu yang baik. Krn itulah Allah berfirman: وَاللَّهُ لَا يَسْتَحْيِي مِنَ الْحَقِّ Bermaksud: ...dan Allah tidak malu daripada menyatakan kebenaran... (al-Ahzaab:53). Malu bertanya tentang agama dan ketika belajar juga tidak baik. Saiyyidatina ‘Aaishah bahkan telah memuji wanita-wanita Anshaar kerana sifat malu yang ada pada mereka tidak menghalang mereka daripada bertanyakan tentang agama dan mendalami ilmu agama. Lihatapa kata beliau tentang wanita-wanita Anshaar: نِعْمَ النِّسَاءُ نِسَاءُ الْأَنْصَارِ لَمْ يَكُنْ يَمْنَعُهُنَّ الْحَيَاءُ أَنْ يَسْأَلْنَ عَنِ الدِّينِ وَأَنْ يَتَفَقَّهُنَّ فِيهِ Bermaksud: “Sebaik-baik wanita adalah wanita Anshaar. Perasaan malu tidak pernah menghalang mereka untuk bertanya tentang agama dan untuk mendalami ilmu agama.” (Atsar riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Ibnu Majah dll. Lafaz atsar yang dikemukakan ini adalah lafaz Abu Daud).

Perkaitan di antara sifat malu dengan iman ialah perasaan malu adalah hasil yang terbit daripada perasaan terima kasih atau syukur seseorang yang telah menerima atau ‘termakan’ budi seseorang yang lain. Mengenang kebaikan yang diterimanya daripada orang yang berbudi kepadanya, seseorang yang mempunyai harga diri sudah pasti akan berasa malu untuk melakukan apa saja yang tidak menunjukkan perasaan terima kasihnya terhadap orang yang telah menabur budi kepadanya itu. Begitulah juga dengan perasaan seorang hamba yang beriman kepada Tuhannya. Setelah mengecapi segala ni`mat dan rahmat yang dicurahkan tanpa henti oleh Tuhan, sudah pasti si hamba tidak akan tergamak untuk melakukan apa saja larangan yang akan membangkitkan kemurkaanNya. Begitu juga dengan jasa dan pengorbanan Nabi s.a.w. dalam menyampaikan agama Islam yang diamanahkan kepadanya untuk disampaikan ke pangkuan kita. Sekiranya seseorang yang beriman mengenang dan mengingati kembali betapa sukarnya liku-liku perjalanan yang pernah Rasulullah s.a.w. tempuhi bersama-sama sahabat untuk ‘mewariskan’ syurga yang

akan dini'mati umatnya kelak, sudah pasti dia akan berasa malu untuk melanggar sunah-sunnah Baginda dan para sahabatnya. Dia bahkan akan berusaha sedaya upaya untuk meneruskan kesinambungan perjuangan Baginda. Demikianlah besarnya peranan sifat malu dalam mendidik seseorang dan dalam memupuk ketaqwaan untuk menuju kemantapan iman. Seseorang yang tidak mempunyai sifat malu akan melakukan apa sahaja yang diserakahi nafsunya tanpa dihadang oleh sebarang kebimbangan. Sesungguhnya perasaan malu merupakan suatu hasil atau buah iman yang dapat disaksikan kesannya pada air muka, tindak-tanduk dan gerak-geri seseorang.

Menerusi hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ini Rasulullah s.a.w. mengumpamakan iman dengan sepon pohon pokok yang mempunyai dahan-dahan dan ranting-rantingnya. Pada dahan-dahan dan ranting-ranting itulah berpaut daun-daun dan buah-buah pokok. Semua yang tersebut itu merupakan bahagian-bahagian daripada sepon pohon pokok. Pokok ada kalanya berdahan, berdaun dan berbuah. Ada kalanya pula tidak. Dalam keadaan ia tidak berdahan, berdaun dan berbuah bukankah ia tetap dipanggil pokok, walaupun pokok yang tidak sempurna atau pokok yang hampir mati kerana sudah ada tanda-tandanya? Begitulah juga dengan iman. Iman yang sempurna akan melahirkan sifat-sifat yang mulia dan amalan-amalan yang baik. Tetapi kadang-kadang tidak begitu. Walaupun ada iman, buah dan hasilnya tiada. Sifat-sifat yang mulia dan amalan-amalan yang baik itu kepada iman sama seperti dahan, ranting, julai, daun, bunga dan buah kepada pokok. Apakah yang dikehendaki dan yang diharapkan daripada sepon pohon pokok? Sudah tentu yang sempurna dengan dahan, ranting, julai, daun, bunga dan buahnya. Apakah pula yang dikehendaki dan yang diharapkan daripada iman seseorang? Sudah tentulah sifat-sifat mulia dan amalan-amalan baik yang terhasil daripadanya. Lihatlah betapa indahnya perumpamaan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. itu. Beberapa kemusykilan ditimbulkan tentang kenapa sifat malu merupakan satu cabang besar daripada iman. **Pertama:** Sifat malu telah termasuk dalam cabang-cabang iman yang disebutkan sebelumnya. Kenapa pula ia disebutkan secara khusus? Dua jawapan telah diberikan oleh para 'ulama' untuk merungkai kemusykilan ini, iaitu: (1) Ia sangat membantu dan merupakan faktor penting dalam melahirkan cabang-cabang iman yang lain. (2) Oleh kerana ia merupakan naluri dan sifat semula jadi manusia, mungkin sesetengah pihak mempertikaikannya sebagai salah satu cabang iman. Kerana itulah Rasulullah s.a.w. menyebutkannya secara khusus. **Kedua:** Bagaimana sifat malu akan menjadi satu cabang atau sebahagian daripada iman, sedangkan ia adalah satu naluri manusia yang berada di luar daripada batas ikhtiarnya? Iman pula adalah sesuatu yang dituntut Allah dan ia memang termasuk dalam batas ikhtiar manusia? Jawapan kepada kemusykilan ini juga ada dua, iaitu: (1) Sifat malu dikira sebagai sebahagian daripada iman memandangkan hasil dan natijahnya. Hasil dan natijah daripada sifat malu ialah meninggalkan perbuatan yang keji. Oleh kerana meninggalkan perbuatan yang keji itu sememangnya termasuk dalam batas ikhtiar manusia, maka punca kepadanya iaitu sifat malu dikira sebahagian daripada iman juga. (2) Sifat malu yang dikira sebagai sebahagian iman itu ialah yang digunakan pada tempat yang sewajarnya. **Ketiga:** Bagaimana kita akan mengatakan sifat malu itu satu cabang besar atau sebahagian yang penting daripada iman, padahal ia ada juga pada sesetengah orang kafir? Bahkan adakalanya mereka lebih kaya dengan sifat itu?? Kemusykilan ini boleh terungkai dengan dua jawapan berikut: (1) Sifat malu yang ada pada orang-orang kafir itu bukan sifat malu yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. sebagai satu cabang besar atau sebahagian yang penting daripada iman. Kerana ia bukan malu yang sebenar-benarnya atau malu yang hakiki. Bagaimana orang-orang kafir itu akan dikatakan